

Bil. S 50

**AKTA LEMBAGA BANDARAN
(PENGGAJAL 57)**

**PENGISYTIHARAN LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
(SEMPADAN KAWASAN LEMBAGA BANDARAN), 2008**

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Sempadan Kawasan Lembaga Bandaran.
 3. Penerusan permohonan tertentu dan prosiding.
 4. Kawasan-kawasan di dalam Kawasan Kawalan Kemajuan.
 5. Kuasa membolehkan.
 6. Pembatalan S 10/57.
-

**AKTA LEMBAGA BANDARAN
(PENGAL 57)**

**PENGISYTIHARAN LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
(SEMPADAN KAWASAN LEMBAGA BANDARAN), 2008**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 3(1) dan 3(5) dari Akta Lembaga Bandaran, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Pengisytiharan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Pengisytiharan ini boleh digelar sebagai Pengisytiharan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan (Sempadan Kawasan Lembaga Bandaran), 2008 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb Ogos 2007.

Sempadan Kawasan Lembaga Bandaran.

2. Kawasan Lembaga Bandaran bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan bagi maksud-maksud Akta itu adalah dengan ini diisytiharkan sebagai kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual.

Penerusan permohonan tertentu dan prosiding.

3. (1) Sebarang permohonan untuk mendapatkan suatu permit atau lesen yang dibuat di bawah Akta Lesen Rampaian (Pengal 127) yang belum selesai dan belum diputuskan sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Pengisytiharan ini hendaklah diteruskan seolah-olah Pengisytiharan ini belum dibuat.

(2) Sebarang prosiding penguatkuasaan yang dibuat di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Pengal 143) yang belum selesai dan belum diputuskan sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Pengisytiharan ini hendaklah diteruskan seolah-olah Pengisytiharan ini belum dibuat.

Kawasan-kawasan di dalam Kawasan Kawalan Kemajuan.

4. Mana-mana kawasan yang disebut dalam perenggan 2 Pengisytiharan ini sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Pengisytiharan ini yang telah diisytiharkan oleh Menteri Pembangunan di bawah bab 3(1) dari Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Pengal 143) sebagai berada di dalam suatu Kawasan Kawalan Kemajuan hendaklah, mulai dari permulaan kuatkuasa Pengisytiharan ini, terhenti daripada berada di dalam Kawasan Kawalan Kemajuan tersebut.

Kuasa membolehkan.

5. Menteri boleh memberi arahan dalam apa-apa perkara, apa-apa jenis perkara atau pada amnya sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu atau mustahak untuk menghadapi apa-apa kesulitan yang timbul dari pengertian perenggan 3.

Pembatalan S 10/57.

6. Pemberitahuan Bandar Brunei (Kawasan Lembaga Bandaran), 1956 adalah dibatalkan.

JADUAL

(perenggan 2)

Mukim Kianggeh

Kianggeh
Berangan
Jalan Tasek Lama
Mabohai / Tungkadeh
Melabau
Kumbang Pasang
Padang Baru
Pusar Ulak
Tumasek

Sebahagian Mukim Gadong

Kiulap
Kiarong
Menglait
Batu Bersurat / Pengkalan Gadong
Mata-Mata (tidak termasuk Kampong Perpindahan Mata-Mata)
Beribi

Sebahagian Mukim Kilanas

Telanai
Madewa
Tasek Meradun
Bunut
Perpindahan Bunut

Sebahagian Mukim Berakas 'A'

Pulaie
Anggerek Desa

JADUAL – *sambungan*

Pancha Delima
Orang Kaya Besar Imas
Delima Satu
Serusop
Jaya Setia
Jaya Bakti
Burong Pinggai Berakas
Kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas

Sebahagian Mukim Berakas 'B'

Manggis I
Manggis II
Madang
Sungai Akar

Sebahagian Mukim Kota Batu

Sungai Lampai / Pintu Malim
Kota Batu
Pelambayan
Subok
Belimbing

Kampong Ayer

Mukim Sungai Kedayan

Bukit Salat
Sumbiling Lama
Sungai Kedayan 'A'
Sungai Kedayan 'B'
Ujong Tanjong
Kuala Peminyak

Mukim Tamoi

Tamoi Ujong
Tamoi Tengah
Pengiran Kerma Indera Lama
Pengiran Tajuddin Hitam
Ujong Bukit / Limbongan
Pengiran Bendahara Lama

JADUAL – *sambungan*

Mukim Burong Pinggai Ayer

Burong Pinggai Ayer
Lurong Dalam
Pandai Besi 'A'
Pandai Besi 'B'
Sungai Pandan 'A'
Sungai Pandan 'B'
Pengiran Setia Negara
Pekan Lama

Mukim Peramu

Peramu
Pekilong Muara
Bakut Pengiran Siraja Muda 'A'
Bakut Pengiran Siraja Muda 'B'
Bakut Berumput
Lurong Sikuna

Mukim Saba

Saba Tengah
Saba Ujong
Saba Laut
Saba Darat 'A'
Saba Darat 'B'

Mukim Sungai Kebun

Setia 'A'
Sungai Siamas / Ujong Klinik
Setia 'B'
Sungai Kebun
Bolkiah 'A'
Bolkiah 'B'.

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1429
bersamaan dengan 9 haribulan April, 2008.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,
Negara Brunei Darussalam.